

MAHATHIR-KENDERAAN
(1)

1480

KUALA LUMPUR, 28 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN TELAH MENJALANKAN KAJIAN TELITI LAGI INTENSIF MENGENAI KEPERLUAN MEMAJUKAN KEUPAYAAN TEMPATAN MENGELUARKAN BAHAN-BAHAN DAN ALAT GANTI KENDERAAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI LANGKAH MEMAJUKAN KEUPAYAAN TEMPATAN SERUPA ITU SUDAH PASTI DAPAT MEMPANTU USAHA KERAJAAN MENINGKATKAN TEMPO PERINDUSTRIAN DI NEGARA INI.

SAMBIL PERUSAHA KE ARAH ITU, TAMBAHNYA, KERAJAAN BERHARAP DAPAT MELIHAT PELABURAN YANG LEBIH BESAR DARI SUMBER-SUMBER DI DALAM DAN LUAR NEGERI BAGI MENDAPATKAN TEKNOLOGI SOFISTIKATED MENGENAI BAHAN-BAHAN DAN ALAT GANTI, DI SAMPING MEMBERI PELUANG PEKERJAAN YANG LEBIH BANYAK KEPADA RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN DI MAJLIS MAKAN MALAM YANG PERTAMA PEKILANG-PEKILANG ALAT-ALAT KOMPONEN AUTOMOTIF MALAYSIA DI SINI. -- BERSAMBUNG 2325/AI

39

B625:

MAHATHIR - KENDERAAN 2 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA KERAJAAN BERPENDAPAT BAHAWA MASANYA BELUM TIBA UNTUK DILANCARKAN SATU RANCANGAN UNTUK MENGELUARKAN BAHAN-BAHAN DAN ALAT ITU SECARA TEMPATAN SEPENUHNYA SETELAH MENKAJI CORAK PERUSAHAAN PEMASANGAN KENDERAAN EMPAT RODA YANG TERDIRI DARI BERBAGAI BUATAN DAN MODEL.

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, SETIAP USAHA HENDAKLAH DIJALANKAN UNTUK MENSESUAIKAN ALAT-ALAT GANTI ITU DENGAN BETERAPA JENIS BUATAN DAN MODEL KENDERAAN YANG BIASA DILIHAT.

BAGI KENDERAAN-KENDERAAN DUA RODA YANG FERMOTOR KERAJAAN YAKIN ADALAH WAJAR DAN PRAKTIKAL DIRANGKA SATU RANCANGAN MENGELUARKAN SEPENUHNYA ALAT-ALAT GANTI BAGINYA DI NEGERI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN INI TALAH KERANA TERHADNYA JUMLAH BUATAN DAN MODEL KENDERAAN-KENDERAAN DUA RODA JENIS ITU DAN BESAR PULA JUMLAHNYA YANG DIPASANG DI NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 2328/AI

B626:

MAHATHIR-KENDERAAN 3 KUALA LUMPUR

BUAT MASA INI TERDAPAT HANYA EMPAT JENIS BUATAN DAN 16 MODEL DENGAN JUMLAHNYA SEBANYAK 113,900 BUAH YANG DIPASANG TAHUN LALU.

KERAJAAN TELAH PUN MERANGKA RANCANGAN BAGI KENDERAAN-KENDERAAN DUA RODA YANG BERMOTOR YANG TELAH DIKEMUKAKAN KEPADA PERSATUAN PEMASANG-PEMASANG MOTOSIKAL DAN SKUTER MALAYSIA (MASAM) DAN PEKILANG-PEKILANG ALAT-ALAT KOMPONEN AUTOMOTIF BAGI MENDAPATKAN KOMEN.

BAGAIMANAPUN TIMBALAN PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA LANGKAH MENGADAKAN RANCANGAN YANG BOLEH MENGELUARKAN SEPENUHNYA ALAT-ALAT ITU SECARA TEMPATAN TIDAK BERERTI YANG HARGA MOTOKAR DAN MOTOSIKAL AKAN MENJADI LEBIH MURAH.

SEBALIKNYA, MENURUT BELIAU, HARGA KENDERAAN-KENDERAAN ITU DIJANGKA MENINGKAT SEDIKIT KERANA ALAT-ALAT TERSEBUT DIBUAT SENDIRI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KERAJAAN BERAZAM UNTUK MEMPASTIKAN BAHAWA SEBARANG KENAIKAN HARGA MOTOSIKAL ADALAH DI PERINGKAT PALING MINIMA. -- BERNAMA 2347/AI